



**SIARAN AKHBAR**  
**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KES TANGKAPAN GERAKAN OPERASI BARANG TEGAHAN KASTAM**

1. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang telah menjalankan satu gerakan operasi sepadu bersama Polis Marin, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Markas Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Perairan Sungai Brunei tertumpu di kawasan Kampong Bolkih B dan persekitaran Pulau Berambang.
2. Hasil gerakan operasi tersebut dijalankan pada hari Jumaat, 03hb Februari 2023 di salah satu anak sungai kawasan Pulau Berambang, JKED telah berjaya merampas sebanyak 4,610 katon rokok pelbagai jenis dan 180 botol minuman keras pelbagai jenis. Turut dirampas adalah 3 buah perahu yang berukuran 21 kaki berserta enjin yang digunakan untuk membawa barang-barang tegahan Kastam.
3. Kesemua barang-barang tegahan yang telah dirampas dibawa ke Pejabat Penguatkuasaan Undang-Undang untuk tindakan pelupusan.
4. JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan Negara ini dan menghindari dari melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan, sekatan dan juga larangan Kastam. Memiliki barang-barang tegahan Kastam adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.
5. JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti yang menyalahi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED. Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan Kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundangan Kastam dengan menghubungi JKED di talian utama JKED: 8714422/8721422 atau pejabat Kastam yang berdekatan. Pihak JKED juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Tarikh: 09hb Februari 2023**

**RUJ KES KASTAM: ENF/PR/3/2023**

**GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN  
GERAKAN OPERASI**



**GAMBAR PERAHU DAN BARANG-BARANG TEGAHAN**

